

## LEMBARAN MAKLUMAT PROGRAM

### Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Program (LMP) ini memberikan anda maklumat utama mengenai Agrobank *Microenterprise Special Relief Program* (MRP 2.0)

Pelanggan lain telah membaca LMP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga wajar untuk membacanya.**



Tarikh: \_\_\_\_\_

## 1. Apakah Program Agrobank Microenterprise Special Relief Program (MRP 2.0) ini?

Program ini menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan mikro bagi meningkatkan kecekapan rantaian nilai khususnya dalam sektor pengeluaran makanan.

Skop kemudahan pembiayaan merangkumi kos operasi serta pembelian atau pembangunan aset tetap, termasuk perbelanjaan yang berkaitan dengan pematuhan kepada keperluan pensijilan halal seperti Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), Good Manufacturing Practice (GMP), Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP), dan Malaysian Food Safety and Quality Scheme (MESTI), serta aktiviti perniagaan lain yang mematuhi Syariah. Selain itu, kemudahan pembiayaan semula (overlapping) juga dibenarkan dalam program ini.

## 2. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Skim Program ini, **sebagai ilustrasi:**

- Jumlah kemudahan pembiayaan anda:
  - Maksimum: **RM100,000**
  - Minimum: **RM1,000**
- Tempoh kemudahan pembiayaan anda: **84** bulan (**7** tahun).
- Kadar Keuntungan Efektif: **Sehingga 4.75% setahun**, dikira berdasarkan baki harian.
- Kadar Keuntungan Siling (KKS): Kadar Pembiayaan pembiayaan Asas (BFR) + 4%\* atau 10%\*, mana-mana yang lebih tinggi untuk pengiraan harga jualan.
- Margin kemudahan pembiayaan: Sehingga 100% termasuk kos sumbangan takaful, duti setem dan suratcara kemudahan pembiayaan (Jika berkaitan)

### Nota:

- Sebarang perubahan kepada yuran dan caj akan dibuat secara bertulis oleh Bank.
- Yuran dan caj adalah tertakluk kepada cukai jualan dan perkhidmatan (jika ada) atau cukai lain seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

### Adalah tanggungjawab anda untuk:



Baca dan fahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membuat pembayaran kemudahan pembiayaan anda tepat pada masanya dan sepenuhnya selama **7 tahun**. Hubungi kami jika anda ingin menjelaskan kemudahan pembiayaan lebih awal.



**Hubungi kami segera** jika anda tidak dapat memenuhi komitmen pembayaran anda.

### Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Yuran Duti Setem: Seperti yang ditetapkan dalam Akta Setem 1949.
- Caj Guaman & Pembayaran: Termasuk yuran guaman untuk dokumentasi kemudahan pembiayaan, pendaftaran cagar, carian tanah, carian kebangkrapan, carian pembubaran, dan caj berkaitan lain (jika berkenaan).
- Sumbangan Takaful: Bergantung pada jumlah perlindungan yang diambil untuk kemudahan pembiayaan.
- Yuran Broker: RM7 bagi setiap RM1,000,000.00 jumlah pembelian komoditi.
- Yuran pembayaran lewat: 1% p.a. pada jumlah tertunggak.

**Jika anda ingin menyelesaikan kemudahan pembiayaan anda lebih awal, anda perlu tahu:**

- Rebat (*Ibra'*) akan diberikan kepada pelanggan berdasarkan formula semasa yang tertera, sekiranya berlaku salah satu senario (tetapi tidak terhad kepada) berikut:
  - i. Penyelesaian awal atau penebusan awal atau pembayaran awal;
  - ii. Penyelesaian kemudahan pembiayaan disebabkan pelaksanaan penstrukturan;
  - iii. Penyelesaian awal oleh pelanggan bagi kes kemungkiran di mana walaupun pelanggan mungkir, Pelanggan membuat penyelesaian penuh bagi keterhutangan kemudahan pembiayaan sebelum tarikh matang;
  - iv. Penyelesaian oleh pelanggan bagi kes penamatan atau pembatalan kemudahan pembiayaan sebelum tarikh matang.
- Rebat (*Ibra'*) akan dikira berdasarkan formula berikut:

$Ibra' = \text{Keuntungan Tertangguh} - \text{Caj Penyelesaian Awal}$
$\text{Nilai Penyelesaian} = \text{Baki Harga Jualan} + \text{Ansuran Tertangguh} + \text{Caj Bayaran Lewat (jika ada)} - Ibra'$

### 3. Ketahui Risiko Anda

1. Anda akan membayar lebih secara keseluruhan disebabkan caj pembayaran lewat.
2. Bank boleh memotong wang dari akaun simpanan anda dengan kami untuk menolak baki kemudahan pembiayaan anda.
3. Bank boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap anda.
4. Skor kredit anda mungkin terjejas, menjadikan kredit lebih sukar diperoleh atau lebih mahal untuk anda.

### 4. Terma Lain

1. Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya.
2. Anda dikehendaki mengambil Skim Takaful Kredit untuk melindungi jumlah hutang di bawah kemudahan pembiayaan. Walau bagaimanapun, anda dibenarkan memilih penyedia takaful bukan panel yang diluluskan oleh Bank. Pelan perlindungan takaful diperlukan untuk melindungi baki kemudahan pembiayaan tertunggak anda sepanjang tempoh kemudahan pembiayaan dan/atau tempoh perlindungan sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak dijangka.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai kemudahan pembiayaan program anda, anda boleh:**



Hubungi  
1-300-88-2476



Layari  
<https://www.agrobank.com.my>



Emel  
[customer@agrobank.com.my](mailto:customer@agrobank.com.my)



Imbas kod QR  
di atas

#### **Pengesahan Pelanggan\***

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan sedar akan tujuan tandatangan yang anda berikan.

- Saya mengakui bahawa Agrobank telah memberikan salinan LMP kepada saya.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam LMP ini.

*\*Pengkakuan pelanggan terhadap LMP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian kemudian mengenai terma dan syarat program.*

-----  
Nama:  
Tarikh: